



Sekitar Konvo UPM  
> 6-11



Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin merasmikan Kompleks Fakulti Perubatan Veterinar dengan disaksikan oleh Prof. Ir. Dr. Mohd. Saleh Jaafar (kiri) dan Prof. Madya Datuk Dr. Bashir Ahmad Fateh Mohamed (kanan).

## Kompleks Fakulti Perubatan Veterinar miliki hospital termoden

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh

SERDANG, 1 Nov - Kompleks Fakulti Perubatan Veterinar yang menempatkan Hospital Veterinar Universiti (UVH) Universiti Putra Malaysia (UPM), iaitu hospital veterinar baru yang pertama di Malaysia dan memiliki kemudahan moden terancang di Asia Tenggara dirasmikan hari ini.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ir. Dr. Mohd. Saleh Jaafar dalam ucapannya berkata hospital itu juga

merupakan hospital pengajaran veterinar pertama di Malaysia dan dilengkapi dengan kemudahan mengikut piawaian veterinar antarabangsa.

Katanya, hospital itu merangkumi Unit Haiwan Besar, Unit Haiwan Kesayangan, Operasi, 12 Makmal Diagnosis, 7 Dewan Bedah, Klinik Bergerak, Unit Farmasi serta Unit Radiologi dan Pengimejan.

"Wad haiwan besar dan wad haiwan kesayangan, masing-masing boleh merawat 40 ekor dan 80 ekor haiwan dan berupaya merawat haiwan sebanyak 50 kes sehari. Orang awam boleh mendapatkan perkhidmatan di hospital ini mulai jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang setiap hari kecuali klinik bergerak selama 24 jam.

"Seramai 50 orang pakar runding, 22 pegawai veterinar dengan 60 staf sokongan pelbagai kategori berkhidmat di hospital ini yang telah memulakan operasi di kompleks baharu pada Januari lalu," katanya mengenai hospital yang dibina dengan kos RM28 juta seluas 5,158 meter persegi.

Sementara itu, Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin yang merasmikan Kompleks Fakulti Perubatan Veterinar turut menempatkan UVH berkata hospital yang memberikan perkhidmatan berkelas antarabangsa itu telah mencatatkan peningkatan kes klinikal sebanyak 10 peratus kepada 16,829 kes pada tahun lalu berbanding tahun sebelumnya dengan kenaikan perolehan pendapatan sebanyak 35 peratus.

"Fakulti Perubatan Veterinar menerusi Hospital Veterinar Universiti, berpotensi mempelopori secara holistik keperluan negara menangani penyakit berjangkit haiwan yang boleh memberi kesan kepada manusia selain perkhidmatan khas dalam perubatan veterinar, surgery serta makmal diagnosis.

"Kebolehpasaran graduan Fakulti Perubatan Veterinar juga amat tinggi. Sebagai contoh Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Malaysia pada hari ini masih memerlukan 120

> LIHAT MUKA 2

## Kursus inovasi diperkenalkan

Oleh Rosdi Wah

KUALA LUMPUR, 12 Dis - UPM akan menawarkan kursus baru iaitu Metodologi Inovasi (RSB 4630) dalam laporan pengajiannya mulai semester kedua sesi akademik 2011/2012 untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengetahuan dan aplikasi berkaitan metodologi, proses inovasi dan penciptaan nilai.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Dato' Dr. Radin Umar Radin Sohadi berkata pada peringkat permulaan, kursus itu akan dimasukkan dalam kurikulum pengajian siswazah khususnya sebagaimana subjek metodologi penyelidikan yang menjadi kursus asas untuk memperkasakan kemampuan penyelidikan pelajar. Pelajar pra-siswazah juga boleh mengambil kursus ini sebagai elektif.

"Pelajar akan diajar untuk menguasai proses penjaan nilai, analisis pasaran, mengadaptasi kaedah penyelesaian dalam proses inovasi, dan mensintesis komponen inovasi dan pengkomersilan.

"Penekanan juga akan diberikan kepada governans insan dan etika dalam inovasi supaya integriti akan terpelihara. Reka bentuk kursus juga berpandukan model 5 disiplin inovasi yang telah diperkenalkan oleh Stamford Research International (SRI), Amerika Syarikat merangkumi penjaan idea hinggalah penjaan kekayaan," katanya dalam majlis makan tengah hari bersama media (Media Luncheon UPM 2011) di Kuala Lumpur.

Dato' Ir. Dr. Radin Umar berkata mengikut Global Innovation Index 2011 yang dikeluarkan oleh INSEAD Business School, Switzerland merupakan negara yang paling inovatif dengan skor 63.82 diikuti

oleh Sweden, Singapura, Hong Kong, Finland, Denmark, USA, Kanada, Netherland dan UK sebagai Top Ten Innovative Country. Malaysia pula menduduki tangga ke-31 dengan skor 44.05.

Sehubungan itu katanya pemerkasaan dalam inovasi adalah sangat penting kerana ia dapat menyuntik pertumbuhan ekonomi dan menjana pendapatan Negara menerusi produk dan perkhidmatan baru.

"Subjek inovasi perlu di-institusikan dalam program pengajian di peringkat siswazah dan prasiswazah untuk menjadi pemangkin kepada inovasi khususnya dalam mewujudkan nilai ciptaan (value creation) sesuatu penyelidikan.

"Adalah penting kerana proses

> LIHAT MUKA 2



Dato' Ir. Dr. Radin Umar beramah mesra dengan Penolong Pengarang KOSMO, Lokman Othman dalam majlis Media Luncheon 2011 UPM di Kuala Lumpur.

## MENARIK!



Tunku Canselor mahu graduan UPM jadi rebutan  
> 6



Jadikan keusahawanan dan pertanian peluang pekerjaan - Noh Omar  
> 2




Generasi muda jangan pilih kerja - Tun Dr. Mahathir  
> 3



UPM-Mitsubishi Corporation aktif pulihara hutan 2 dekad  
> 4

ISSN 977-218006000-4



9 772180 080004

## Juara MMU Robotic Challenge Week

Oleh Aniza Salwa Ab Ghani

MELAKA, 12 Dis - Sekumpulan pelajar Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dinobatkan sebagai juara dalam pertandingan 'MMU Robotic Challenge Week 2011' bagi kategori 'Combat Robot Competition'.

Rekaan robot yang diberi nama 'Anak Putra' telah meraih hadiah wang tunai sebanyak RM3,500 dengan menewaskan robot dari Universiti Teknologi Mara (UTM) pada perlawanan akhir.

Dalam pertandingan akhir itu, dua buah robot bertarung antara satu sama lain selama tiga minit dengan menggunakan senjata bebas tanpa menggunakan bahan

kimia dan bahan letupan.

Ketua kumpulan, Mohd Afiq Abdul Ghafar berkata, robot UPM yang menggunakan 'pneumatic system for flipping' merupakan robot yang paling agresif pada pertandingan itu.

Program itu bertujuan untuk mencungkil bakat, daya kreativiti dan semangat kerjasama pelajar-pelajar kejuruteraan untuk mencipta satu model robot yang sempurna.

Sebanyak 51 pasukan dari seluruh Malaysia telah menyertai pertandingan itu di mana dua pasukan adalah dari UPM. Salah satu dari pasukan UPM telah meraih tempat keempat.

## Jadikan keusahawanan dan pertanian peluang pekerjaan- Noh Omar



Datuk Seri Noh Omar beramah mesra dengan pelajar OKU selepas majlis.

Oleh Mohd. Martin Abdul Kahar

SERDANG - Graduan institut pengajian tinggi (IPT) disaran mengeneppikan sikap suka bekerja 'makan gaji' sebaliknya menjadikan bidang keusahawanan terutama sektor industri kecil dan sederhana (IKS) sebagai peluang pekerjaan baharu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar berkata bekerja sendiri dan memiliki perniagaan adalah satu opsi kerjaya yang wajar diceburi untuk pelajar yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan di peringkat menara gading.

"Keusahawanan merupakan bidang kerjaya yang sangat penting di negara ini. Kerajaan menjadikan bidang keusahawanan terutama sektor IKS sebagai penyumbang kepada perkembangan ekonomi pada masa akan datang.

"Saya percaya UPM juga mempunyai pelbagai rancangan dan pelan tindakan yang akan menjayakan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar. Matlamat program keusahawanan universiti adalah untuk membentuk pelajar sebagai pencipta kerjaya dan bukan sekadar pencari kerja.

"Anda harus merebut peluang dengan menyertai sebanyak mungkin program keusahawanan yang dianjurkan oleh universiti," katanya ketika menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Menteri Sempena Minggu Perkasa Putra Pelajar Baharu Semester

Pertama Sesi 2011/2012 baru-baru ini.

Pada majlis itu, Noh turut menggalakkan supaya graduan menjadikan bidang pertanian sebagai sebahagian daripada kerjaya kerana ia mampu menawarkan pelbagai peluang perniagaan yang menguntungkan.

Menurutnya, untuk menggalakkan graduan menceburi sektor pertanian moden kelab MyAgrosis akan diwujudkan di semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) termasuk di UPM.

"Melalui MyAgrosis, pelajar diberikan latihan dan pendedahan menyeluruh mengenai penanaman, penternakan dan pemrosesan makanan menggunakan teknologi moden dan terkini serta kaedah pemasaran.

"Pendedahan ini penting bagi siswazah untuk memilih dan mengusahakan sektor pertanian sebagai kerjaya yang menguntungkan selepas mereka menamatkan pengajian nanti," katanya.

Beliau berkata kementerian sedang mengenal pasti kawasan di IPTA bagi memulakan program tersebut secara sistematik dan berskala besar.

Menurut Noh bagi menjayakan program itu satu perjanjian persefahaman akan ditandatangani bersama Kementerian Pengajian Tinggi pada Disember nanti.

Tambahnya lagi, Agrobank juga bersetuju untuk menyediakan dana sebanyak RM10 juta bagi menjayakan MyAgrosis.

## Persidangan hutan bincang sumbangan saintis sosial pada hutan hujan tropika

Oleh Mohd. Martin Abdul Kahar

SERDANG, 29 Nov - Ketika hutan hujan tropika berhadapan dengan pelbagai cabaran pada masa ini, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil inisiatif menganjurkan International Conference on Tropical Forest amidst Climate Change and Globalization (TFGCC) 2011.

Persidangan selama dua hari bermula 29 November itu dilihat medan terbaik bagi perdebatan dan perbincangan mengenai sumbangan saintis sosial kepada hutan hujan tropika sebagai salah satu sumber asli yang menerima kesan terhadap perubahan iklim.

Pengerusi TFGCC, Prof. Dr. Fatimah Mohamed Arshad berkata penganjuran persidangan itu amat penting terutamanya ketika hutan hujan tropika menghadapi pelbagai cabaran pada masa ini seperti tekanan bagi menyediakan sumber yang diperlukan untuk pembangunan negara.

"Hutan kini terdedah kepada persaingan untuk pembukaan tanah baru bagi tujuan penanaman industri kelapa sawit dan pengeluaran pulpa dan kertas. Hutan hujan tropika memainkan peranan yang utama bagi mengimbangi kesan perubahan iklim melalui penyerapan atau pembebasan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>).

"Oleh yang demikian, penganjuran persidangan ini dilihat sebagai medan terbaik bagi perdebatan dan perbincangan mengenai sumbangan saintis sosial kepada hutan hujan tropika sebagai salah satu sumber asli yang menerima kesan yang signifikan daripada globalisasi dan perubahan iklim," katanya.

Sebanyak 70 peserta tempatan dan 10 peserta antarabangsa mengambil bahagian dalam persidangan berkenaan.

Mereka terdiri daripada pegawai akademik universiti tempatan dan luar negara, saintis dan penyelidik dari institusi dan agensi pembangunan perhutanan tempatan dan luar negara, penggabul polisi dalam dan luar negara dan pelajar siswazah lanjutan.

Turut serta dalam persidangan tersebut



Prof. Dr. Fatimah Mohamed Arshad

Senior Research Fellow Centre de Cooperation Internationale en Recherche Agronomique pour le Developpement (CIRAD), Jean Marc Roda, Regional Director for South East Insular Asia CIRAD, Gilles Saint Martin dan The Cultural and Scientific Counselor, French Embassy, Stephane Dovert.

TFGCC dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Tai Shzee Yew.

Dr. Fatimah berkata, hasil persidangan itu dapat meningkatkan penyelidikan, pengurusan dan pembangunan bagi menyumbang ke arah kemapanan sumber daripada hutan hujan tropika dan industri yang berkaitan sebagai salah satu komoditi negara yang perlu diberi perhatian.

Beliau menambah, UPM sebagai sebuah universiti yang terlibat secara serius dalam pembangunan polisi dan pengurusan pembangunan hutan hujan tropika di Malaysia bertanggungjawab berkongsi ilmu dan memberi kepimpinan dalam apa jua sub bidang penyelidikan yang berkaitan dengan hutan hujan tropika.

## UPM tangani keperluan strategik negara

Oleh Noor Eszereen Juferi

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih menerajui bidang jaminan makanan yang merupakan keperluan strategik negara berdasarkan kemampuan dalam bidang pertanian dan biosains.

Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin berkata, isu kecukupan makanan menjadi isu global disebabkan perubahan iklim dunia dan tekanan krisis kewangan.

"UPM akan memulakan beberapa siri penyelidikan dalam pelbagai bidang sebagai inisiatif kepada para penyelidik dari seluruh negara untuk menghasilkan impak tinggi kepada isu jaminan keselamatan nasional.

"Antara fokus penyelidikan ialah baka beras yang tahan penyakit, baja nano fertiliser dan amalan pengurusan penanaman lestari," katanya sempena lawatan kerja ke UPM baru-baru ini," katanya.

Lawatan kerja ini bertujuan meningkatkan hubungan strategik dengan universiti dalam usaha menyebarkan program transformasi kerajaan serta mendapatkan maklum balas komuniti UPM bagi pelbagai isu berkaitan dengan pengajian tinggi dan pembangunan modal insan.

Sementara itu, beliau menasihatkan

mahasiswa agar melengkapkan diri dengan keupayaan untuk bersaing di peringkat tempatan mahupun global.

Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi pula berkata, UPM menyumbang secara aktif dalam pelan transformasi ekonomi dan pentadbiran kerajaan.

"Ke arah negara berpendapatan tinggi, UPM sentiasa memastikan para graduan functional, enterprising dan employable.

"Kelangsungan pembangunan di masa hadapan ditunjangi dengan penajaan modal insan yang berintegriti di samping penerapan nilai budaya dan akhlak yang tinggi.

Tambah beliau, hasil tinjauan SciVal Spotlight Analysis Highlights 2010 menunjukkan kedudukan UPM sebagai global player dalam bidang pertanian dan biosains.

"Selain bidang pertanian, penguasaan kepakaran UPM turut meliputi bidang nano teknologi, penemuan ubat, penyelidikan kanser, forensik persekitaran dan enzim," katanya.

Beliau sempat menyatakan hasrat seluruh warga UPM yang menginginkan pusat perubatan sendiri dengan harapan memberikan sumbangan yang lebih bermakna kepada perkembangan penyelidikan di bidang perubatan dan sains kesihatan.

## Kursus inovasi diperkenalkan

> DARI MUKA 1

inovasi atau nilai ciptaan ini boleh diajar secara saintifik untuk pelajar dapat memahami dan menghayati kaedah, proses serta kepentingan penajaan inovasi dan seterusnya menyumbang kepada pengukuhan ekonomi Negara. Ini juga akan mentransformasikan penyelidikan sebagai sumber penajaan inovasi dan bukan setakat meneroka sesuatu bidang ilmu.

"Justeru, ini akan dapat menyumbang kepada pemikiran inovatif, kreatif dan keinsanan yang mampu melahirkan keunikan graduan UPM," katanya.

Dato' Ir. Radin Umar berharap kursus yang melibatkan pensyarah dari disiplin reka bentuk, kejuruteraan dan perniagaan itu akan membangunkan kapasiti inovasi dan penciptaan nilai pelajar selain membentuk kemahiran afektif keusahawanan, sekaligus menjadikan mereka lebih berkeyakinan dan berdaya.

Katanya mod pengajaran dan pembelajaran lebih berteraskan pembelajaran berpusatkan pelajar melalui kaedah kajian kes, bengkel, pencarian maklumat sendiri serta pembentangan secara individu dan berkumpulan.

"Pada masa yang sama UPM juga dipilih menjadi peneraju dan sedang bekerjasama rapat dengan SRI, melalui projek khas daripada Kementerian Pengajian Tinggi, untuk melatih jurulatih dari kalangan IPT untuk memperkasakan inovasi dan pengkomersilan," katanya.

> DARI MUKA 1

veterinawan untuk memenuhi jawatan yang sudah lama kosong," katanya.

Beliau juga mencadangkan kurikulum program veterinar Malaysia perlu diakreditasi pada peringkat antarabangsa untuk memastikan graduan Doktor Perubatan Veterinar Malaysia diiktiraf di seluruh dunia selain berharap Fakulti Perubatan Veterinar UPM menjadi fakulti bereputasi antarabangsa.

Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Prof. Madya Datuk Dr. Bashir Ahmad Fateh Mohamed berkata kompleks itu mengandungi Blok Akademik meliputi empat makmal pengajaran, 13 bilik tutorial, lima dewan kuliah, muzium anatomi, satu auditorium, makmal komputer, bilik seminar dan perpustakaan yang boleh menampung 1,000 pelajar termasuk staf.

"Pembinaan kompleks baharu itu secara keseluruhannya menelan kos sebanyak RM57 juta bertujuan menampung ruang pengajaran dan pembelajaran berikutan pertambahan bilangan pelajar serta memastikan ruang makmal dan tempat peralatan penyelidikan mencukupi," katanya kepada wakil media.

Fakulti Perubatan Veterinar yang telah ditubuhkan pada tahun 1973, telah melahirkan ramai pakar dan doktor veterinar kepada negara dan memainkan peranan utama dalam transformasi keilmuan negara dalam bidang veterinar. Fakulti ini merupakan institusi pengajian tinggi pertama yang mempunyai persijilan dalam pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional iaitu MS ISO 9001 pada tahun 2000 dan MS ISO/IEC 17025 pada tahun 2008.

Antara tokoh yang dilahirkannya ialah pemenang Anugerah Tokoh Akademik Negara 2010 Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Omar Abdul Rahman dan pemenang Anugerah Tokoh Akademik Negara 2007 Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim, selain tiga pegawai akademiknya telah memenangi Anugerah Akademik Negara 2010 baru-baru ini.

Pada majlis itu, dua memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani antara Fakulti Perubatan Veterinar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (JPV) dan World Wide Fund for Nature Malaysia (WWF Malaysia) dalam menjalankan aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ir. Dr. Mohd. Saleh Jaafar menandatangani bagi pihak UPM sementara Ketua Pengarah JPV, Datuk Dr. Abd. Aziz Jamaluddin menandatangani bagi pihak JPV dan Pengarah Eksekutif WWF Malaysia, Dato' Dr. Dionysius S. K. Sharma menandatangani bagi pihak WWF Malaysia.

# Pelajar niaga hasil tani di Karnival Siswatani

Oleh Mohd. Martin Abdul Kahar

SERDANG, 12 Dis - Universiti Putra Malaysia (UPM) terus memberi galakan kepada pelajarannya untuk menceburi bidang keusahawanan pertanian.

Buktinya seramai 140 pelajar UPM diberi peluang untuk memasarkan produk pertanian hasil titik peluh mereka sendiri pada Karnival Siswatani 2011 yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kementerian Pengajian Tinggi, Dato' Saifuddin Abdullah.

Peluang itu diberi selepas mereka berjaya menamatkan pertandingan Program Cabaran Siswatani 2011 yang berlangsung selama empat bulan bermula bulan September lalu yang mana mereka diberi tugas untuk melaksanakan beberapa projek pertanian.

Antara produk yang dijual termasuklah jagung, ayam, sayur-sayuran, buah-buahan dan juga ikan.

Karnival Siswatani 2011 dianjurkan bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Dewan Muda, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Selangor (DPMMS). Program ini juga disokong sepenuhnya oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan juga Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Program ini dipengerusikan bersama oleh Prof. Dr. Zainal Abidin Mohamed selaku Ketua Jabatan Perniagaantani dan Sistem Maklumat dan Zulkifly Ali, Timbalan Pengerusi Dewan Muda, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Selangor (DPMMS).

Prof. Dr. Zainal berkata karnival itu merupakan kemuncak program Cabaran Siswatani yang bertujuan mendedahkan pelajar mengenai lanskap sebenar perniagaantani melalui program berbentuk pertandingan. Sebanyak 3 kategori diperandingkan iaitu tanaman, ternakan ayam kampung dan ternakan ikan.



"Program ini juga memberi pengalaman praktikal mengenai kaedah pengurusan ladang secara realistik, menilai kebolehan pelajar mengurus ladang untuk mengoptimalkan keuntungan serta memberi peluang untuk pelajar mengaplikasikan ilmu pemasaran," katanya.

Menurut Prof. Dr. Zainal lagi, aktiviti keusahawanan ini telah dinilai oleh beberapa orang juri yang terdiri daripada wakil UPM, FAMA, Jabatan Pertanian dan Dewan Muda, DPMM Selangor. Taklimat dan pembentangan setiap kumpulan telah dilangsungkan dan penilaian setiap kumpulan

berasaskan aspek teknikal, komitmen, hasil jualan dan pelan pemasaran.

"Juara kumpulan memenangi hadiah bernilai RM750 untuk setiap kategori, tempat kedua RM500, tempat ketiga RM300, sijil penyertaan untuk setiap peserta dan Piala Pusingan untuk kumpulan terbaik keseluruhan," katanya.

Menurut Zulkifly Ali, pertandingan itu dijadikan platform bagi Dewan Muda, DPMM Selangor untuk mencungkil bakat usahawan siswatani, selaras dengan usaha berterusan Dewan Muda, DPMM Selangor untuk melatih pelajar menjadi usahawan sebelum mereka

tamat pengajian.

"Saya amat berpuas hati dengan usaha yang ditunjukkan oleh para peserta sepanjang pertandingan ini berlangsung. Mereka telah menunjukkan komitmen yang tinggi sepanjang pertandingan dan ada di antara mereka berpotensi untuk pergi lebih jauh dalam bidang perniagaantani," katanya.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan dan Naib Yang Dipertua DPMMS, Dato' Mohd Said Mat Saman.

## PutraBiz@Kiosk is bringing a new definition of entrepreneurship

By Mohd Fikre Azlan

SERDANG - Tired of travelling in and out of campus for simple pleasures and necessities? Yearning for some colour and a change of scene on campus? Shove all those thoughts away because PutraBiz@Kiosk is now open!

It is just opposite the Faculty of Modern Languages Communication and located at Kompleks Akademik. Prepare to be blown away by the variety of innovative shops our students are offering such as SkyTech (Computer), Digital Media (Photography), Bakery Shop (Cake), GreenProducts (Kosiswa), Fashion Shop and Ticketing Shop.

100 percent of the shops are being managed by UPM's highly talented students with support from parent companies and the first time ever in UPM! It is definitely rebranding the student's entrepreneurship skills and empowerment. Thanks to the Centre of Innovation and Student Development (CEISD) for making it real!

# AMIC sets sights on Green Aviation



By Dr. Mohd Roshdi Hassan

KUALA LUMPUR, 14 Nov - The Aerospace Malaysian Innovation Centre (AMIC), a consortium-led project spearheaded by European Aeronautics Defence and Space Company (EADS), Rolls Royce, Composite Technology Research Malaysia (CTRM) and the Government of Malaysia convened its first board meeting to set research priorities for upcoming projects. Science Advisor to the Prime Minister, Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakri Abdul Hamid and Chief Technical Officer of EADS, Dr. Jean Botti are the joint chairmen for the Board of Directors.

The centre is setting its sights on technology to develop jet fuel from algae, innovative new standards in aero structure manufacturing and sustainable green aeronautic materials as well as improved technologies for systems integration.

"Advances in these areas hold immense promise for the aerospace industry," said Jean Botti, Chief Technology Officer of EADS, which has committed RM16 million over three years to the centre.

"Work in strain selection, micro algae feedstock production and development of the

downstream process for biofuel from algae can both help the industry to move towards carbon neutrality and enhance Malaysian expertise in the space," he added.

Development of other identified technology areas, such as innovation in aero structure manufacturing and sustainable aeronautic materials, also promises to advance Malaysia's position in high-value sustainable industries and contributes to the value chain of global OEMs, such as EADS and Rolls Royce.

AMIC was approved by the Government of Malaysia in December 2010 during a meeting of the Malaysian Aerospace Council chaired by the Prime Minister of Malaysia and is expected to be officially launched at the Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA), in December.

Funded by RM40 million in grants from the Government of Malaysia, EADS and Rolls Royce, the centre is an industry-driven organisation pairing industry demands for research and technology with local Malaysian capability from universities. Universiti Putra Malaysia was appointed to be the lead-university, which has committed RM15 million over five years as a matching grant. For the board meeting, UPM was represented by the

Vice Chancellor, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi.

"By ensuring that research and development projects that are undertaken by our aerospace centres of excellence are industry-driven, technology that is developed out of Malaysia has a much better chance of entering into the supply chain of the big customers who are global OEMs," said Mohd. Yusoff Sulaiman, President and CEO of MIGHT and head of the secretariat for Malaysia Aerospace Council (MAC).

"What we've done is directly connecting industry needs to research and development capability in Malaysia. This will go a long way towards ensuring the sustainability and global competitiveness of Malaysian aerospace industries," he added.

The centre has already had a number of research proposals, which are being vetted for approval, based on the identified research priorities and are expected to start being approved towards the end of 2011.

Currently, UPM has been seconded two staff to AMIC. The two staff are Assoc. Prof. Dr. Abd. Rahim Abu Talib as the Chief Operating Officer and Dr. Mohd Roshdi Hassan as the General Manager for R&D.

# Generasi muda jangan pilih kerja - Tun Dr. Mahathir

Oleh Mohd. Martin Abdul Kahar

SERDANG 9 Nov - Impak kemasukan pekerja asing yang semakin mendominasi sektor buruh dan pembantu rumah mencetuskan polemik di negara ini sekali gus mencerminkan sikap generasi muda yang terlalu befikiran sofistikated dan cerewet dalam memilih pekerjaan.

Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata Malaysia mempunyai banyak peluang pekerjaan terutama dalam industri buruh dan pembantu rumah tetapi ia tidak direbut disebabkan generasi muda terlalu memilih pekerjaan.

"Apabila kedua-dua sektor tersebut semakin didominasi oleh warga asing, ia akan menyebabkan mata wang negara mengalir keluar ke negara warga asing seterusnya menyebabkan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia.

"Generasi muda terutama mahasiswa seharusnya tidak terlalu memilih pekerjaan dan perlu mencontohi negara Jepun yang mana semua pekerjaan didominasi oleh rakyatnya sendiri," katanya pada forum bertajuk 'Dilema Ekonomi Bangsa Malaysia' di Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Forum yang bertujuan untuk memupuk pemikiran kritis dan memberi pendedahan dilema yang bakal dihadapi bangsa Malaysia itu dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEMSA), UPM.

Turut hadir menyaksikan forum itu ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Datuk Dr. Mohd



Fauzi Ramlan berserta hampir 1,500 pelajar UPM dan institusi pengajian tinggi lain.

Menurut Tun Dr. Mahathir, bagi mencapai hasrat Wawasan 2020, kerajaan kini sedang berusaha memberi peluang kepada rakyat untuk menikmati hasil pendapatan negara dan mendapat peluang pekerjaan dengan melatih tenaga muda untuk berkari meraihi pendapatan sendiri melalui program Keusahawanan dalam Industri Pertanian.

"Penubuhan pusat latihan ini ialah untuk melatih anak muda supaya mempersiapkan diri menjadi tenaga mahir dan mampu mencetuskan inovasi serta membuka peluang pekerjaan kepada anak tempatan.

"Bagaimanapun kawalan juga perlu ditumpukan kepada pendidikan iaitu selain mengguna pakai sumber tenaga manusia sedia ada, pada masa yang sama kerajaan perlu menyediakan latihan kemahiran intensif, mencukupi, relevan dan spesifik terhadap keperluan masa depan negara supaya anak muda dapat memenuhi ciri-ciri pasaran pekerjaan dalam era perindustrian," katanya.

## UPM – Mitsubishi Corporation aktif pulihara hutan 2 dekad

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh

KUALA LUMPUR – Lebih dua dekad, kerjasama antara institusi pengajian tinggi Malaysia, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan Mitsubishi Corporation ke arah aktiviti-aktiviti penyelidikan bagi memulihara ekosistem hutan hujan tropika dan perubahan cuaca global.

UPM dan Mitsubishi menyedari pentingnya usaha untuk menyeimbangi kekurangan pelepasan oksigen dari alam semula jadi berbanding peningkatan pelepasan karbon dari industri dan automotif.

Menyedari kepentingan memulihara ekosistem hutan dunia dan selaras dengan pengisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu tahun 2011 sebagai 'International Year of the Forest', UPM dan Mitsubishi sekali lagi berganding bahu menganjurkan aktiviti bersepadu pemuliharaan hutan.

Aktiviti bersepadu itu ialah program penanaman pokok di UPM Kampus Serdang, Selangor pada 23 Oktober serta satu simposium antarabangsa bertajuk *Rehabilitation of Tropical Rainforest Ecosystems 2011* pada 24 dan 25 Oktober 2011 di Royal Chulan, Kuala Lumpur.

### Simposium Antarabangsa, Rehabilitation Of Tropical Rainforest Ecosystems 2011

Pengerusi Simposium, Prof. Dato' Dr. Nik Muhamad Nik Ab. Majid berkata simposium antarabangsa perhutanan kali kedua itu membincangkan hasil penyelidikan mengenai isu berkaitan pemuliharaan ekosistem hutan tropika.

Simposium itu menangani isu-isu yang berkaitan dengan penunjuk kesihatan hutan, termasuk hasil-hasil penyelidikan daripada projek UPM-Mitsubishi

Corporation khususnya.

Beliau yang juga Profesor di Fakulti Perhutanan UPM berkata simposium itu menyediakan platform bagi para penyelidik, ahli akademik, pembuat dasar, pengamal industri dan pelajar untuk berbincang dan berkongsi pengalaman mereka dalam bidang pemuliharaan hutan.

"Ia turut membincangkan penemuan penyelidikan terbaru dan isu-isu semasa yang berkaitan dengan pemuliharaan hutan dan menggalakkan kerjasama antarabangsa dalam kalangan saintis, ahli akademik, pembuat dasar dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam industri hutan," katanya.

Beliau menjelaskan antara skop simposium ialah biodiversiti hutan dan pemuliharaan (daratan flora, hidupan liar, flora & fauna akuatik serta serangga dan mikroba), kesuburan tanah dan kestabilan air, simpanan karbon hutan dan perubahan iklim, amalan silvikultur dan polisi dan nilai-nilai sosio-ekonomi hutan yang telah dipulihara.

Prof. Dato' Dr. Nik berkata, seramai 300 peserta termasuk saintis dari UPM, beberapa universiti serta Jabatan Perhutanan, Perhilitan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan peserta dari luar negara iaitu Jepun, Amerika Syarikat, Australia, Filipina, Brazil, China Thailand dan Indonesia telah menyertainya. Peserta daripada masyarakat awam juga telah dijemput untuk mengikuti majlis pembukaan simposium ini pada hari pertama (Isnin, 24 Oktober) selain dapat melihat pameran poster penyelidikan dan laporan daripada pelbagai negara dan institut.

Timbangan Menteri Pelancongan Malaysia, Dato' Dr. James Dawos Mamit telah merasmikan kedua-dua majlis iaitu penanaman pokok dan simposium ini.

Ucapan pada majlis perasmian itu disampaikan oleh salah seorang pelopor projek kerjasama UPM-Mitsubishi



iaitu Prof. Dr. Akira Miyawaki dari Institute for Global Environmental Strategies (IGES-JISE), Jepun.

Simposium Antarabangsa kali pertama seumpama ini telah dianjurkan oleh UPM dan Mitsubishi Corporation di Kuching, Sarawak pada tahun 1992.

### Majlis Penanaman Pokok

Majlis penanaman pokok yang berlangsung di UPM, Serdang, pada 23 Oktober lalu melibatkan penanaman

> LIHAT MUKA 5

## Collagen from tilapia skins for cosmetics and health purposes

By Mohd. Martin Abd. Kahar

KUALA LUMPUR – To own a good facial skin and an attractive figure has become a norm for every human especially women. This is because beauty will provide more confidence to a person particularly if one has a career.

Those who have courage, money and want speedy results will try out more modern methods through operation, injection and so on. However, for those who believe that immediate beauty is very risky and wish to try a safer way will adopt the intake of health food or drinks.

Nowadays, health products that contain collagen are very popular for facial skin beauty and to obtain an attractive figure. Collagen is a type of protein to maintain adolescence and skin elasticity. However, you must be aware that most of the collagens in the market now are produced either from pig or other animals with doubtful halal status.

From an initiative in producing collagen products which are halal, a group of researchers from Universiti Putra Malaysia (UPM) conducted a research to produce the material.

The research, which took 12 years to complete, is fruitful as Malaysia will soon have the first halal collagen extractor factory from tilapia fish skins in the region. The product will be commercialised through the cooperation between UPM and Bionic Lifesciences Sdn. Bhd.

The director of the research project, Prof. Dr. Jamilah Bakar, said that her team conducted studies to develop the aquatic collagen extraction technology from tilapia fish skin.

"The present community starts to be aware of the advantages of collagen in maintaining skin beauty, accelerating wound healing and helping to restore muscle elasticity and joint problem.

"Various product networks based on collagen are sold in the market, however, it is understood that no collagen source is produced domestically which caused the collagen to be imported from China and South Korea in which the halal status is in doubt.

"We are the first in the region that produces aquatic collagen that is halal," she said when met after of the memorandum of understanding signing ceremony (MoU) between UPM and Bionic Lifesciences to market the collagen commercially.

The MoU was signed by the Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation), UPM, Prof. Ir. Dr. Mohd. Saleh Jaafar while Bionic Lifesciences was represented by the company's director, Ir. Mohd. Salleh Yahya.

Prof. Jamilah said, in order to produce collagen from tilapia fish skins, a few stages are required such as cleaning of fish skins, extraction in producing collagen, collagen cleaning and collagen powder production.

"In the first stage, fish skins that are selected will be cleaned first to lose the dirt and slime that stick to the skins. The cleaning process is carried out by using a



Prof. Dr. Jamilah Bakar

few chemical substances that are harmless, however, it depends on the types of fish skins that are to be cleaned," she said further.

"During the extraction process, it also uses a few combinations of chemical substances depending on the fish skins and collagen that is to be produced. Some fish skins will produce high grade of collagens while there are some which produce collagen with medium and lower grades.

"Cost to extract also differs because different chemical substances are used depending on the type of fish skin," she said.

"During the process of cleaning the collagen materials, the process is also conducted in a few stages which aims to increase the percentage of collagen content. The cleaning process thus will be carried out depending on the product that is to be produced whether it is for food or pharmaceutical purpose.

Collagen for pharmaceutical materials is simple and usually requires three to four processes as compared to food product."

"The final stage is drying for commercialisation purpose. The drying process is divided into two, namely drying and freezing. Most of the collagens that are to be commercialised, are carried out with the drying way to generate collagen powder. After the drying process, the collagen will be packed and categorised according to the product that one wishes to produce," she elaborated.

Prof. Dr. Jamilah also said products from collagen that are produced from the tilapia fish skin can be used for various purposes whether in the form of drinks, food or personal health products such as beverage products of the walet birds.

She hoped that the results of the findings would give a novice perspective to the consumers on the use of halal collagen in all cosmetics products or supplementary food besides supporting the country's halal industry.



## Dr Tee menang emas BioMalaysia

Oleh Hafiza Hussin

KUALA LUMPUR 23 Nov – Penyelidik Jabatan Sains dan Haiwan, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Tee Tuan Poy meraih pingat emas BioMalaysia 2011 dengan teknologinya untuk mengangarkan aliran nutrien bagi pengurusan baja haiwan ternakan.

Teknologi Dr. Tee iaitu 'Biophysical Model for Evaluation Manure Nutrients Flow in Malaysia Cattle Feedlot', merupakan satu model yang digunakan secara meluas untuk mengesan laluan nutrien melalui catuan makanan haiwan ternakan.

"Catuan ini digunakan semasa memberi makanan kepada ternakan dan mengenalpasti transformasi proses nutrien dalam sistem pengeluaran haiwan ternakan hingga bidang aplikasi," katanya.

Seramai 12 penyelidik UPM berjaya meraih kesemua 12 pingat penyelidikan dalam BioMalaysia yang merupakan persidangan dan pameran rekapipta terbesar peringkat kebangsaan berasaskan bioteknologi iaitu BioMalaysia 2011 di Kuala Lumpur Convention Centre di sini.

Selain pingat emas, penyelidik UPM turut memenangi tiga pingat perak dan lapan pingat gangsa.

Pingat perak dimenangi oleh Prof. Ir. Dr. Desa Ahmad dari Fakulti Kejuruteraan, Prof. Dr. Rozita Rosli dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan

Prof. Madya Dr. Abd. Rahim Abu Talib dari Fakulti Kejuruteraan.

Pingat gangsa pula diraih oleh Prof. Madya Dr. Hawa Jaafar dari Fakulti Pertanian, Prof. Madya Dr. Azrina Azlan dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Dr. Ahmad Bustamam Abdul dari Institut Biosains, Prof. Dr. Luqman Chuah Abdullah dari Fakulti Kejuruteraan, Prof. Madya Dr. Norazizah Shafee dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Dr. Liang Juan Boo dan Prof. Madya Dr. Aziz Arshad dari Fakulti Pertanian dan Prof. Dr. Muhammad Nazrul Hakim dari Akademi Sukan.

BioMalaysia 2011 turut menyaksikan satu majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) untuk kerjasama penyelidikan antara UPM dengan Bionic Lifesciences Sdn. Bhd.

Kerjasama itu bakal menghasilkan kolagen daripada sisa ikan untuk kegunaan produk makanan dan tujuan nutraceutical dan kesihatan yang dijangka siap pada pertengahan tahun hadapan.

Ketua projek penyelidikan tersebut, Prof. Dr. Jamilah Bakar dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan berkata hasil penyelidikan itu bakal menghasilkan kolagen yang menggunakan prosedur pengekstrakan secara halal, berketulenan tinggi, tidak berbau dan tidak berwarna.

"Sehingga kini, Malaysia mengimport 100% sumber kolagen dari luar negara dan produk ini dijangka dapat melonjakkan lagi pasarannya di dalam negara," katanya.

# Pelajar bantu mangsa bencana banjir Thailand

Oleh Syed Muhammad Azlan Sayid Hizar

KUALA LUMPUR - Hampir 4000 mahasiswa Kursus Kokurikulum Berkredit Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menjadi sukarelawan bagi mengumpul serta menyalurkan bantuan berupa bekalan makanan kepada mangsa bencana banjir di Thailand.

Program anjuran Pusat Inovasi dan Keusahawanan Pelajar (CEISeD) dengan kerjasama Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) itu mendapat sambutan luar biasa daripada mahasiswa dan mahasiswi.

Berbekalan semangat kesukarelawan dan rasa tanggungjawab yang dipupuk sepanjang kursus ini, para pelajar telah berjaya mengumpul lebih 20 tan bekalan makanan

seperti gula, tepung gandum, susu pekat serta air mineral.

Walaupun masa yang diberikan adalah dua minggu namun mereka hanya mengambil masa enam hari sahaja mendapatkan sumbangan daripada individu, syarikat korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UPM, Profesor Dr. Mohd Fauzi Ramlan berkata, kesungguhan serta kegigihan mahasiswa mengumpul sumbangan harus dibanggakan dan diberi pujian.

"Pelbagai kemahiran insaniah yang dipelajari dalam Kursus Kokurikulum Berkredit ini membuahkan hasil apabila semangat kesukarelawan dapat diterapkan serta dibudayakan di kalangan mahasiswa



UPM menerusi program ini.

"Hasil komitmen sukarelawan telah menjadikan UPM sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama di negeri ini yang menghulurkan bantuan kepada mangsa bencana banjir Thailand," katanya ketika berucap di Majlis Jalinan Kasih UPM-Thailand.

Majlis penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Omar Abdul Rahman kepada wakil Kedutaan Thailand, Makawadee Sumitmor.

# SMK Putrajaya Presint 16 (1) Johan KEMPAS

Oleh Mohd Martin Abdul Kahar

PUCHONG, 26 Nov - SMK Putrajaya Presint 16 (1) mencipta nama sebagai johan keseluruhan Kem Pendidikan Alam Semulajadi Peringkat Kebangsaan (KEMPAS) 2011.

Sekolah itu berjaya membawa pulang piala pusingan, plak dan Sijil Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) bernilai RM250 setiap seorang.

SMK King George V berjaya menjadi naib johan manakala tempat ketiga dimenangi oleh SMK Tun Fatimah yang masing-masing membawa pulang wang tunai bernilai RM800 dan RM600 serta plak. Setiap peserta turut memenangi SSPN bernilai RM200 dan RM150.

Kem yang disertai hampir 50 orang pelajar tingkatan empat dari 16 buah sekolah seluruh negara telah berjaya memupuk kesedaran mengenai alam semulajadi.

Program yang telah dijalankan selama seminggu anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Berita Harian itu bertujuan memberi kesedaran serta memupuk semangat cintakan alam semulajadi di kalangan peserta.

Selain itu, KEMPAS merupakan program tahunan yang digerakkan melalui Fakulti Perhutanan UPM, berusaha meningkatkan kefahaman terhadap pendidikan alam semulajadi melalui kaedah 'hands-on' (kerja lapangan) sekitar Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong.

Sementara itu terdapat beberapa anugerah yang mengiktiraf sikap dan budaya penyelidikan unggul seperti Anugerah Tunas Alam menjadi milik Nur Izzah Nabilah Harris dari Sekolah Menengah (SM) Sains Lahad Datu.

Anugerah Kepimpinan Alam pula telah diraih oleh Nur Farah Najwa Hassim dari SMK Tun Fatimah, Johor. Bagi Anugerah Kreativiti Alam, tuah menjadi milik Michelle Elva James, dari SMK Labuan. Anugerah KEMPAS jatuh kepada Mohd Rozaimi Ermi Herman dari SM Sains Lahad Datu, Sabah.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata pendidikan alam semulajadi ini tidak hanya terhad di kalangan pelajar sekolah sahaja malahan menjadi tanggungjawab dan harus dipraktikkan oleh semua lapisan masyarakat.

"Modul-modul kem ini telah digarap dengan elemen seperti pemantauan, pelaksanaan, dan penghayatan terhadap alam semulajadi. Program ini meningkatkan kefahaman dalam peserta melalui aktiviti-aktiviti di lapangan," katanya sewaktu merasmikan majlis penutup di sini.

## Cerikas

Lim Swee Tin,

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM.

# Lingkungan yang melemaskan

SAYA bertemu Sophia setelah kira-kira 19 tahun tidak berjumpa. Pertemuan secara yang amat berkebetulan itu sudah tentulah mudah mengeratkan kami. Kami pun dulunya amat akrab.

"Ah, seminar ni bukan mempertemukan kita teori-teori baharu, pengalaman baharu juga. Kau masih macam dulu juga, ya!" Jeritnya.

Saya suka bahasa Sophia. Cantik. Semenjak mengenalinya dia memang cukup berhemah dalam menggunakan bahasa. 'Baharu' itu 'new', pernah Sophia jelaskan. "Manakala, 'baru' pula 'just'. 'Dahulu' dengan 'dulu' pun diucapkan dengan berhati-hati, katanya konotasi membawa erti yang berlainan.

Akan tetapi, bukan itu sahaja daya tarikan Sophia. Sophia memiliki lebih daripada itu.

"Aku sedang membuat penyelidikan yang baru."

"Baru ke baharu?" Usik saya.

Sophia meledakkan ketawa, menampakkan dua lesung pipitnya yang mengecut, sedikit berpusat, kemudian indah sekali.

Saya segera teringat 'pertelingkahan' saya dengan seorang peserta bengkel, "Tuan, dalam ceramah tuan tadi, tuan menggunakan 'lesung pipit'. Bagi saya, ia salah. Yang betul ialah 'lesung pipi'." Peserta itu sedikit mendengus

tatkala membetulkan bahasa saya, kemudian duduk. Entah secara sengaja atau kebetulan, kertas edaran saya tertampar pada pahanya, dan kedengaran seolah-olah dia mendengus keras. Jenuh saya menerangkan bahawa memanglah lesung kecil itu terletak di pipi, namun bahasa tidaklah ringkas itu. 'Pipit' ada ertinya yang lain, kalau perlu kita hendaklah juga membuat kajian yang lebih menyeluruh, pernahkah anda mendengar 'terung pipit', 'burung pipit', dan beberapa 'pipit' lagi?" Saya menyoal balas.

Sophia masih di depan saya, melirikkan mata ke kertas seminar yang dijilidkan setebal lapan cm. "Saya keliru tentang kertas seminar yang sebanyak ini!" Saya mendengar Sophia merungut kecil. "Apakah isinya? Akan ke manakah akhirnya? Dalam dunia pantas seperti hari ini, sempatkah sesiapa membeleknya?"

Saya tahu Sophia sedang mempertanyakan kesesuaian. "Ini kan seminar? Dalam seminar maka akan adalah kertas seminarnya!"

"Saudara beritahulah mereka, teori apa-apa pun akan basi! Janganlah kemaruk sangat dengan teori. Saya pernah bahkan ditolak kertas saya semata-mata kerana tidak menyebut teori, dikatakan longgar dan sangat tidak kukuh. Saya diminta membuat

penambahbaikan. Dalam penambahbaikan itu, saya sebut separa sahaja tentang teori, kertas saya tiba-tiba dijulung sebagai kertas terbaik seminar. Fuuh!!!"

Saya akur kata-kata Sophia. Bukan oleh kian teruja saya akan kecantikannya yang menyerlah - matanya yang bundar, celak yang membayang, dan pipinya yang mendebu seperti gerimis, dan sedikit berkabus.

"Kita, sekadar untuk rujukan, belum ada padanan untuk 'hand-phone' saudara tahu? Bahkan, saya percaya sehingga ke penghujung seminar ini!"

"Ah, kita kan sudah terbiasa dengan 'henfon', kira adalah tu." Tegas saya.

"Indonesia menggunakan 'hp', umumnya juga 'fonsel', kita masih berteka-teki, berdolal-dalilik ..... atau, bimbang ketokohnya dipersoalkan?"

"Saya sendiri secara peribadi cuba memajukan istilah 'telesel', akronim kepada 'telefon selular', ah, tampaknya siapa pun tak peduli. Yang satu itu, 'telefon'. Yang ini, 'telesel'. Dulu 'telefon bimbit', betul untuk ketika itu, orang membimbitnya ke mana-mana. Sekarang orang tak lagi membimbitnya, kalau begitu 'telefon genggam' atau 'telefon tangan'?"

Kita masih menggunakan 'ambil ubat', apakah sekian lama ini tak terfikir oleh kita ungkapan yang lain yang lebih sesuai. Bayangkan kalau dikata: Tolong ambil ubat itu, sudah sampai masa emak kena ambil ubat. Ini sekadar sekian contoh dari yang sekian begitu banyak itu! Sophia tahu, kita masih dibelenggu banyak hal dalam sangkut-pautnya dengan bahasa, kertas seminar setebal lapan cm ini hah, satu pun tidak menyentuh soal-soal terpenting itu! Yang diperbesar-besarkan masih teori, teori dan teori sahaja! Sophia, 'saja' atau 'sahaja' yang tepat ni? Orang masih keliru antara 'mengapa' dengan 'kenapa' tampaknya!"

"Saudara harus tokohkan diri dahulu, baru perkenalkan."

"O, bukan kesesuaiannya yang dilihat, tokohnya diutamakan?"

"Tentulah! Ini sistem..."

"Siapa mencipta sistem?"

"Jangan lupa, kita masih dibelenggu lingkungan. Lingkungan menguasai kita!"

Sophia merenung saya - matanya yang bundar, celak yang membayang, dan pipinya yang mendebu seperti gerimis, dan sedikit berkabus. Dia tahu saya mula rimas dan lemas. Betul, lingkungan itu amat melemaskan!

## > DARI MUKA 4

sebanyak enam ribu anak pokok di kawasan seluas lima hektar yang terdiri dari 112 spesies tempatan Semenanjung Malaysia merangkumi spesies endemik dan spesies terancam.

Lokasi tapak model hutan ialah di Arboretum UPM yang terletak di antara Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya di mana kawasan seluas 27 hektar itu sebelum ini

merupakan padang ragut UPM.

Sukarelawan seramai 600 orang yang terdiri dari staf dan pelajar-pelajar UPM, staf Mitsubishi dan pelajar-pelajar sekolah menengah telah mengambil bahagian dalam penanaman anak pokok dengan diketuai oleh Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit, Duta Jepun Shigeru Nakamura, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Profesor Dr. Mohd. Fauzi Ramlan dan Senior Executive

Vice President, Mitsubishi Corporation, Hideyuki Nabeshima. Penanaman pokok itu juga disertai oleh peserta simposium antarabangsa dari China, Jepun, Thailand, Filipina, Indonesia, Australia, Jerman, Amerika Syarikat dan Brazil.

Objektif utama projek penyelidikan ini adalah menyediakan satu model hutan yang ditanam dengan kombinasi spesies pokok hutan tempatan dan spesies endemik yang dikumpulkan dari seluruh negeri di

Semenanjung Malaysia.

Dianggarkan jumlah keseluruhan spesies yang akan dikumpulkan dalam model hutan ini apabila selesai kelak adalah mencapai 400 spesies yang merangkumi spesies pokok balak, spesies endemik, herba ubatan dan lain-lain.

Penanaman dengan kepadatan anak pokok dalam satu meter persegi adalah sebanyak tiga pokok. Kepadatan yang tinggi ini adalah disesuaikan dengan kepadatan secara semulajadi di hutan asli Semenanjung Malaysia.

## EDITORIAL TRIBUN PUTRA 2011

### Ketua Editor Eksekutif

Prof. Madya Dr. Shameem Mohd. Rafik Khan  
Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz

### Timbalan Ketua Editor Eksekutif

Abdullah Arshad

### Ketua Editor

Khairul Anuar Muhamad Noh

### Editor Bahasa Inggeris

Fatimah Abdul Samad

### Penterjemah Bahasa Inggeris

Sabrina Mahili,

Tian Shih Li

### Penolong Editor

Noor Eszereen Juferi  
Mohd Fikrie Azlan (praktikal)

### Pemberita

Mohd Martin Abdul Kahar  
Syifarida Muhamad Zaki

Che Roslan Che Rosdi (praktikal)

Shanmugan Satyanarain (praktikal)

Syed Muhammad Azlan Sayid Hizar

(praktikal)

### Pentadbiran & ISO

Nor Azizah Sabirin

### Penulis Bersekutu

Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin

Dr. Amini Amir Abdullah

Mohd Nazri Yasin

### Jurufoto

Marina Ismail

Noor Azreen Awang

Mohd Hasrul Hamdan

### Konsep

Khairul Anuar Muhamad Noh

### Penyelenggara Online

Mohd Mazlimin Omar

### Pemasaran

Kamarol Abu Bakar

Erwan Kasmingi

Tribun Putra diterbitkan oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Tujuan penerbitan adalah untuk menyampaikan maklumat melalui pelbagai

rencana, berita, laporan semasa berkaitan bidang pendidikan dan penyelidikan negara.

Surat menyurat dan kiriman artikel/berita/ rencana hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Editor Tribun Putra  
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang, Selangor

Telefon: 03-89466013

Faksimili: 03-89422609

Emel: khal.upm@gmail.com



Oleh Mohd Martin Abdul Kahar  
Wartawan

Terima kasih kepada staf Bahagian Akademik yang mengedarkan borang graduan bernilai berita.



## Manfaat ilmu untuk kebaikan masyarakat

SERDANG - Pro Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Tan Sri Rozali Ismail menyeru semua graduan dapat memanfaatkan ilmu yang diperoleh di universiti untuk berkhidmat kepada masyarakat.

Beliau berkata, graduan seharusnya menempatkan diri mereka di tempat yang strategik dan menjadi pemimpin yang sentiasa bersama masyarakat untuk membawa perubahan lebih baik.

"Ini amat bertepatan dengan usaha yang dilaksanakan oleh pemimpin negara bagi melonjakkan pencapaian bangsa dan negara ke arah negara maju menjelang tahun 2020.

"Justeru, para graduan perlu sedar bahawa kehadiran anda di universiti serta kelebihan ilmu yang diperoleh bukanlah berlaku secara kebetulan tetapi atas tanggungjawab dan amanah yang perlu dilunaskan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada hari ketiga Majlis Konvokesyen UPM ke-35 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Pada majlis konvokesyen itu seramai 7,327 graduan menerima ijazah masing-masing. Daripada jumlah itu 369 menerima ijazah doktor falsafah (PhD), 1,816 ijazah master, 4,744 ijazah bachelors dan 398 diploma.

Turut hadir pada istiadat itu, tiga Pro-Canselor UPM iaitu Tan Sri Dato' Setia Dr. Nayan Arifin, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek serta Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Saleh Jaafar selaku wakil Naib Canselor.

Tan Sri Rozali berkata, negara amat memerlukan modal insan yang berguna dalam proses transformasi ke arah menjadikan Malaysia dengan ekonomi berpendapatan tinggi dan maju.

Menurutnya, dalam menuju ke arah itu, negara memerlukan rakyat Malaysia yang berkelayakan, berilmu pengetahuan serta terlibat secara aktif meningkatkan tahap masyarakat ke arah lebih cemerlang.

"Di mana anda berada selepas ini, sama ada dalam bidang pertanian, keusahawanan, kejuruteraan, perubatan, senibina atau bidang profesional lain, anda perlu terlibat secara aktif dalam meningkatkan tahap masyarakat ke arah kecemerlangan.

"Universiti sentiasa terbuka dalam usaha menghubungkan ilmu pengetahuan baharu dan kepakaran yang dimiliki untuk dijana bagi kesejahteraan rakyat," katanya.

Tan Sri Rozali Ismail turut mengingatkan agar graduan terus memberi sokongan dan sumbangan bagi memastikan universiti terus cemerlang.

Katanya, pelbagai cara boleh disumbangkan antaranya melalui program wakaf ilmu, penglibatan aktif dalam alumni universiti, penyelidikan dan juga program pembelajaran dan pengajaran.

# Tuanku Canselor mahu graduan UPM jadi rebutan

SERDANG - Tuanku Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Sultan Sharafuddin Idris Shah bercita-cita melihat graduan UPM menjadi rebutan pasaran disebabkan kualiti pembelajarannya.

"Justeru, para pensyarah perlu mendidik graduan dengan dedikasi yang tinggi untuk memastikan kualiti graduan UPM memberi manfaat kepada masyarakat dan negara," titah baginda pada hari pertama Majlis Konvokesyen UPM Ke-35 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Tuanku Canselor bertitah, untuk mencapai cita-cita itu UPM harus memfokuskan kepada kualiti pembelajaran dan pembangunan modal insan pelajar selain memantapkan penyelidikan yang membawa manfaat kepada masyarakat di sekeliling.

Baginda mahu melihat UPM menjadi universiti terunggul dalam pendidikan dan penyelidikan bukan sahaja di negara ini malah mampu bersaing dengan universiti-universiti lain bertaraf dunia.

Menariknya titah baginda, UPM berjaya menghasilkan bilangan graduan PhD melepasi tahap 350 orang dan secara tidak langsung membuktikan kecemerlangan UPM dalam penyediaan dan pengurusan pengajian siswazah.

Pada Majlis Konvokesyen kali ke-35 itu seramai 7,327 graduan menerima ijazah masing-masing. Daripada jumlah itu 369 menerima ijazah Doktor falsafah (PhD), 1,816 ijazah Master, 4,744 ijazah Bachelor dan 398 Diploma.

Turut hadir pada istiadat itu ialah tiga Pro-Canselor UPM, Tan Sri Dato' Setia Dr. Nayan Arifin, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek dan Tan Sri Dato' Rozali Ismail serta Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim.

Pada istiadat yang sama, Tuanku Canselor turut mengingatkan semua graduan terus



memberi sokongan dan sumbangan kepada UPM walaupun telah menamatkan pengajian untuk melestarikan graduan yang berkualiti.

Baginda bertitah, pelbagai cara boleh dilakukan oleh graduan dalam memberikan sokongan kepada universiti termasuk pemikiran, kewangan, bergiat aktif dalam alumni serta melalui program wakaf ilmu yang baharu sahaja dilancarkan oleh universiti.

Baginda turut menyeru warga UPM supaya sentiasa bersatu hati, mengutamakan integriti dan mempertingkatkan produktiviti dalam melonjakkan UPM ke tahap yang lebih tinggi.

Sultan Sharafuddin bertitah, universiti merupakan satu pusat pemikiran yang serius untuk menyumbang kepada kemajuan bangsa, negara dan sejagat dan bukannya tempat untuk memperjuangkan kepentingan diri sendiri atau partisan yang sempit.

"Kepentingan umum hendaklah mengatasi

kepentingan peribadi. Para pensyarah dan cendekiawan di universiti boleh berlainan pandangan atau pendapat atau kritikan yang ikhlas dan membina.

"Bagaimanapun mereka hendaklah menghormati dan menyokong sesuatu keputusan yang telah dibuat oleh majoriti. Hal ini akan dapat menyumbang kepada kemajuan UPM secara keseluruhan," titah baginda.

Kepada pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus di UPM pula, baginda mengingatkan agar menjaga tingkah laku dan sentiasa berfikir waras dalam mempertimbangkan sindrom idealisme yang biasa menyerang pelajar.

Sebarang ketidakpuasan hati terhadap Universiti, hendaklah disampaikan dengan cara yang baik demi menjaga nama baik Universiti dan pelajar sendiri.

"Apa-apa bentuk tindakan yang bersifat vandalisme tidak mencerminkan budi pekerti

dan integriti tinggi pelajar yang berada di gedung ilmu. Bahkan ia mengundang rasa kecewa ibu bapa dan masyarakat yang menaruh harapan tinggi terhadap para pelajar," titah baginda.

Baginda turut memuji kejayaan UPM seperti menerajui bidang penyelidikan keselamatan makanan negara, pusat kecemerlangan tenaga hijau dan 'Green Campus Community', pengiktirafan sebagai Lead University for Aerospace Malaysia Innovation Center (AMIC) serta periboga kepada pegawai akademik UPM yang berjaya memenangi Anugerah Akademik Negara 2010 baru-baru ini.

Sementara itu pada sesi kedua majlis pada sebelah petang, Tan Sri Dato' Setia Dr. Nayan Arifin dalam ucapannya menasihatkan graduan UPM mengamalkan integriti yang tinggi, mempunyai prinsip dan pegangan hidup yang jelas seperti yang diterapkan oleh UPM melalui pengisian modal insan dan kemahiran insaniah.

Beliau berkata, adalah sia-sia UPM menghasilkan graduan yang cemerlang dari sudut pencapaian akademiknya tetapi menyalahi etika moral dan agama.

"Jatuhnya empayar perniagaan seperti firma pelaburan Madoff, syarikat tenaga, komoditi dan perkhidmatan Enron Corporation dan sebagainya adalah disebabkan kekurangan aspek etika moral dan agama diberikan perhatian dalam membuat keputusan.

"Universiti merupakan landasan untuk memberi nilai tambah, bagi peningkatan kualiti dan martabat bangsa, dan merupakan medan penyelidikan serta percambahan idea yang menyumbang kepada pengukuhan masyarakat dan tamadun cemerlang.

Apa yang ingin dicorakkan oleh Universiti adalah pendidikan dengan ilmu yang memberi hikmah dan keberkatan mengamalkannya dengan jujur dan amanah," katanya.

## Pupuk kefahaman sejarah kepada pelajar

SERDANG, 16 Okt - Minat dan kefahaman mengenai sejarah Malaysia harus dipupuk terhadap pelajar bagi mengelakkan kekeliruan tafsiran pada masa akan datang.


Tuanku Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Sultan Sharafuddin Idris Shah berkata apabila sejarah negara dipelajari dan difahami dengan betul, ia tidak akan diputarbelitkan oleh pihak yang mempunyai kepentingan tersendiri.

Baginda bertitah kebelakangan ini sejarah negara sering diputarbelitkan menjadi cereka yang boleh diubahsuai.

"Tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab ini menjadikan sejarah negara menjadi tunggang terbalik sehingga menukarkan satu kesalahan kepada kebenaran. Ini adalah satu perkara yang sangat menyedihkan Beta.

"Sekali lagi Beta berharap agar dipupuk keinginan mengetahui sejarah kepada pelajar-pelajar kerana sejarah itu adalah seumur hidup," titah baginda pada hari kedua Majlis Konvokesyen UPM ke-35 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Sementara itu pada majlis pengurniaan ijazah sebelah petangnya, Pro-Canselor UPM, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek berkata graduan



yang menerima sijil pada majlis konvokesyen tidak lupa menggunakan ilmu yang dipelajari untuk menunaikan tanggung jawab sosial terhadap masyarakat kerana nilai dan budi pekerti murni adalah amalan hidup yang penting untuk melestarikan graduan yang berkualiti.

"Majlis konvokesyen merupakan pengiktirafan terhadap pencapaian pembelajaran. Para graduan harus meneroka potensi diri ke tahap yang lebih tinggi, meningkatkan kualiti status quo, bersaing secara kompetitif serta memberi sumbangan bermakna kepada masyarakat dan negara.

"Kuantiti graduan yang dilahirkan oleh institusi pengajian tinggi di negara ini pada setiap tahun semakin meningkat. Para graduan harus menempatkan diri di posisi strategik bagi menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Beliau turut mengingatkan graduan agar tidak lupa menggunakan ilmu yang dipelajari untuk menunaikan tanggung jawab sosial terhadap masyarakat kerana nilai dan budi pekerti murni adalah amalan hidup yang penting untuk melestarikan graduan yang berkualiti.



## Graduan perlu contohi kegemilangan sarjana silam

SERDANG - Graduan perlu mencontohi kegemilangan sarjana silam yang sentiasa menggunakan ilmu pengetahuan dan keupayaannya dalam sesuatu bidang untuk membongkar rahsia di sebalik sesuatu kejadian.

Pro Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Tan Sri Dato' Setia Dr. Nayan Arifin berkata dengan adanya usaha gigih seperti yang ditunjukkan oleh sarjana silam, kegemilangan sesuatu tamadun boleh bertahan beratus-ratus tahun.


"Sarjana zaman silam mencungkil rahsia kehidupan untuk dikongsi bersama demi kebahagiaan orang lain. Budaya ini perlu dibangkitkan dalam masyarakat kita demi mencapai status negara maju pada tahun 2020," katanya pada ucapan hari keempat, Majlis Konvokesyen ke-35 UPM di Pusat

Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Tan Sri Dato' Setia Dr. Nayan berkata sesuatu bangsa tidak dapat mengulangi kegemilangan tamadun silam tanpa ilmu pengetahuan dan persekitaran yang menyokong masyarakat ke arah kecemerlangan.

"Saya berpendapat semua pihak termasuk media perlu memainkan peranan secara seimbang dan menyokong usaha institusi pengajian tinggi untuk menyebarluaskan pengetahuan dan mendidik masyarakat.

"Ia merupakan kunci kepada penyelesaian masalah yang kompleks, mewujudkan kepelbagaian pandangan bagi mencapai kecemerlangan lebih dinamik untuk membina negara yang sejahtera dan maju," katanya.



Abdullah Arshad  
Timbalan Editor Eksekutif



Khairul Anuar Muhamad Noh  
Wartawan & Editor



Noor Eszereen Juferi  
Pemberita



Syfarida Muhamad Zaki  
Pemberita



Nor Azizah Sabirin  
Pembantu Pemberita

# Rashidi: Impian jadi anak seni berilmu tercapai



SERDANG - Impian pelakon dan pengarah terkenal, Rashidi Ishak, 39, untuk menjadi anak seni yang berilmu menjadi kenyataan setelah beliau dianugerahkan Bachelor Komunikasi sempena Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-35.

Rashidi antara 7,327 graduan pelbagai jurusan dan kelulusan yang bergraduat melahirkan rasa bangga dan gembira di atas usahanya menghabiskan pengajian di universiti ini walaupun terpaksa mengambil 13 semester.

Beliau yang ditemani isteri, yang juga pelakon serta pengacara Nona, Vanida Imran, berkata, kunci utama kejayaannya adalah keluarga. Dorongan dan motivasi terutama isterinya antara penyumbang utama kejayaan beliau hari ini.

"Kejayaan hari ini merupakan hadiah kepada keluarga terutama isteri dan anak-anak

yang menjadi pendorong utama saya untuk lebih gigih menamatkan pengajian saya di sini," katanya.

Tambahnya lagi, pendidikan amat penting dalam kehidupan seseorang dan menghabiskan masa untuk belajar adalah kepuasan yang sangat bernilai namun ianya tidak akan menjadi jika seseorang itu tidak berminat belajar.

"Bagi saya, menuntut ilmu tidak mengenal angka umur dan status seseorang. Apa yang penting adalah minat untuk menimba ilmu pengetahuan dan kesabaran yang tinggi sepanjang bergelar penuntut program eksekutif di UPM.

"Jika diizinkan, saya ingin menyambung pengajian saya ke peringkat yang lebih tinggi," tambah beliau yang bercita-cita melanjutkan pelajaran dalam bidang Kewangan Islam.



## Tabah resepi kejayaan Pemenang anugerah pelajaran Diraja

SERDANG - Ternyata dengan ketabahan dan usaha membuahkan hasil yang membanggakan buat Elmy Talip, anak kelahiran Beaufort, Sabah ini tatkala berjaya menerima Anugerah Pelajaran Diraja di Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM).

Meskipun memiliki keputusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang mengecewakan, namun rezeki masih berpihak kepadanya apabila berpeluang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam.

Menurutnya, segala cabaran dan dugaan boleh diatasi dengan kesabaran dan terus berusaha tanpa putus asa.

"Saya terpaksa mengorbankan masa untuk bekerja sambil sebagai pelayan restoran di kantin UPM tetapi itu bukan alasan atau beban malah menjadikan saya lebih bersemangat untuk menghabiskan pengajian di sini.

"Halangan daripada ayah yang mahukan saya bekerja dan tidak meneruskan pengajian di UPM menyebabkan saya sedikit kecewa namun akhirnya ayah akur dengan keputusan saya," katanya yang kini berkhidmat sebagai Pemrogram Analisis di Manulife Technology & Services Sdn. Bhd.

Elmy yang ditemani ibunya, Fatimah Othman berkata rahsia di sebalik kejayaannya adalah dengan memastikan setiap semester memperoleh keputusan peperiksaan melebihi purata nilai gred kumulatif (PNGK) 3.50.

Tiga Sijil Kepujian Dekan dan dua Kepujian Naib Canselor kerana mendapat purata nilai gred (PGK) 4.00 sepanjang enam semester pengajian membuktikan segala-galanya.



## Nenek dapat PhD

SERDANG - Penat lelah yang terpaksa ditanggung oleh seorang nenek sejak sedekad lalu yang terpaksa berulang-alik sejauh 300 kilometer demi menimba ilmu akhirnya berbaloi apabila beliau dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Bahasa Melayu hari ini.

Cik Alimah Lob, 65, warga emas yang sudah memiliki lima orang cucu adalah antara 7,327 graduan yang menerima ijazah dan diploma masing-masing sempena Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-35.

Alimah yang ditemani suaminya, Mohd Naim Daud, 67, berkata tempoh 10 tahun bergelar pelajar bagi mendapatkan ijazah sarjana muda, sarjana dan PhD menagih pengorbanan yang bukan sedikit dari segi masa, tenaga serta wang ringgit.

"Banyak wang yang dibelanjakan bagi menampung kos pengajian termasuk tambang serta kos penginapan hotel. Namun itu bukanlah penghalang kerana ianya bergantung kepada minat dan kesungguhan

menimba ilmu," katanya.

Beliau menambah, usianya yang lanjut untuk menggapai cita-citanya bukanlah penghalang, sebaliknya menjadikan dirinya lebih matang dalam membahagikan masa sebagai isteri, ibu dan nenek pada satu masa.

Demi menghabiskan kursus mengikut waktu yang ditetapkan, beliau nekad membuat pembentangan tesisnya di atas kerusi roda sejurus beliau menjalani pembedahan lutut pada tahun lalu.

Menceritakan pengalamannya, sentiasa berfikir positif dan menjauhi segala elemen negatif yang berada di persekitaran adalah resepi kejayaan Cik Alimah menamatkan pengajian PhD dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.85.

Kegigihan dan keazaman guru Bahasa Melayu yang bertugas di Sekolah Menengah Bowen, Singapura ini untuk terus belajar ditambah pula kejayaan cemerlang beliau menamatkan pengajian Ijazah PhD turut menarik perhatian media dan mendapat liputan akhbar arus perdana di sana.

## Sebak terima diploma arwah anak

SERDANG - Kepulangan satu-satunya anak gadis Nasaruddin Ahmad, 49, ke rahmatullah masih dirasai dan suasana sedih menyelubungi ketika menerima diploma milik anaknya di Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-35.

Kemalangan yang meragut nyawa Fatin Nadiyah, 21, pada April lalu menyebabkan beliau tidak sempat menerima Diploma Pertanian bersama rakan-rakannya yang lain.

Ibunya, Ros Azizi Abd. Rahim, 49, mengakui masih merasai kehilangan anak

gadisnya itu dan penganugerahan diploma yang diberikan kepadanya juga sungguh bermakna buat seluruh keluarga.

"Saya sedih mengenangkan arwah tidak menerima sendiri diploma yang diperolehi dengan usaha kerasnya selama ini," katanya ketika ditemui selepas majlis konvokesyen.

Arwah yang juga rapat dengan bapanya mendapat purata nilai gred kumulatif (PNGK) 3.76 dan dua kali menerima Anugerah Dekan selain dianugerahkan Kepujian Naib Canselor pada semester akhir pengajiannya.



## Pilu terima ijazah arwah isteri

SERDANG - Pilu kian terasa bagi seorang suami bersama lima orang anak tatkala menerima ijazah arwah isteri.

Mohd Radzi Ahmad Zaighu, 45 tahun tidak dapat menahan kesedihan mengenangkan arwah isterinya, Wan Haniza Wan Ayub yang tidak sempat menerima Bachelor dalam jurusan Bahasa dan Linguistik Melayu.

"Saya kuatkan semangat dan membawa anak-anak ke Majlis Konvokesyen UPM


kerana mahu mereka bangga dan mencontohi kejayaan arwah ibu mereka.

"Arwah selalu mengingatkan anak-anaknya supaya berusaha bersungguh-sungguh dan jangan mudah berputus asa agar menjadi insan yang berjaya dalam hidup," katanya diiringi tangisan anak lakinya semasa temubual.

Beliau berkata tidak terdetik pun dalam fikirannya, simptom seperti sakit kepala, batuk dan demam yang sering dialami oleh arwah

isterinya merupakan petanda menghidap penyakit leukimia.

"Dia seorang ibu dan isteri yang bijak membahagikan masa untuk menguruskan anak-anak, mengulang kaji pelajaran dan pada masa yang sama juga mengajar di Sekolah Kebangsaan Indera Mahkota, Kuantan," katanya selepas menerima ijazah daripada Pro Canselor UPM, Tan Sri Rozali Ismail pada hari ketiga konvokesyen.



UPM  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

*Majlis  
Konvokesyen*  
15 - 19 Oktober 2011  
*ke-35*

*Setinggi-tinggi*  
**Tahniah**

KEPADA PARA GRADUAN  
*Sempena*

MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-35 UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
15 - 19 OKTOBER 2011

PEMENANG HADIAH PERINGKAT UNIVERSITI



**Pingat Emas Canselor**  
Ng Kit Lin  
*Doktor Perubatan Veterinar*



**Anugerah Pelajaran Diraja  
(Kategori Bumiputera)**  
Elmy Binti Talip  
*Bachelor Sains Komputer  
(Kejuruteraan Perisian)*



**Anugerah Pelajaran Diraja  
(Kategori Bukan Bumiputera)**  
Ong Ban Shui  
*Bachelor Sains  
(Sains Bioperubatan)*



**Pingat Emas Alumni**  
Megat Marwan Bin Megat Nizar  
*Bachelor Pendidikan  
(Bimbingan dan Kaunseling)*



**Pingat Emas Yayasan Pak Rashid**  
Khairul Na'im Bin Ya'akub  
*Bachelor Sains Perhutanan*



**Hadiah Syed Kechik**  
Nurdiyana Binti Mohamad Tahir  
*Doktor Perubatan Veterinar*



**Pingat Emas Profesor Emeritus  
Tan Sri Dr. Rashdan Baba**  
Wong Yee May  
*Doktor Perubatan Veterinar*






**Pingat Putra Agribio**  
Low Wei Han  
*Bachelor Sains Pertanian*

*Daripada*

TUANKU CANSELOR,  
PRO CANSELOR, AHLI LEMBAGA PENGARAH, NAIB CANSELOR & WARGA UPM

**BERILMU BERBAKTI**  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

Marina Ismail  
JurugambarNoor Azreen Awang  
JurugambarMohd Hasrul Hamdan  
JurugambarSabri Omar  
Jurugambar undangan

## Shabery Cheek rai atlet graduan

KUALA LUMPUR - Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dalam majlis meraihan atlet negara yang menamatkan pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM) menyifatkan penubuhan Universiti sukan bakal memberi impak positif kepada masyarakat.

Beliau memberi contoh negara-negara maju yang mempunyai Universiti khusus untuk sukan seperti Amerika Syarikat, Korea Selatan dan China bukan sahaja memberi manfaat kepada atlet malahan kepada generasi masa depan.

Pada majlis tersebut, Ahmad Shabery turut memuji kerjasama yang terjalin antara Majlis Sukan Negara (MSN) dan UPM kerana memberi peluang kepada atlet negara menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

Beliau juga berkata atlet yang bergelar graduan diharap dapat mengubah persepsi ibu-bapa yang sebelum ini menganggap bahawa sukan tidak memberi apa-apa faedah kepada anak-anak mereka sedangkan mereka boleh berjaya sehingga ke menara gading.

Setakat ini seramai 53 atlet negara menyambung pengajian peringkat Universiti di UPM dan 306 telah berjaya bergelar graduan selepas menamatkan pengajian dalam pelbagai jenis bidang.

# Pulang berbakti

SERDANG - Pemenang pingat perak acara 800 meter dan 1500 meter Sukan SEA 2009, Mohd Jironi Riduan, 25 nekad untuk pulang menetap di Miri, Sarawak dan berbakti dengan mendidik anak bangsa dalam bidang sukan.

Atlet olahraga negara itu juga bercita-cita menjadi jurulatih sukan olahraga kepada pelajar sekolah di negeri kelahirannya.

"Mengenangkan saya bernasib baik dipilih menjadi antara atlet di Sekolah Sukan Bukit Jalil yang memberikan peluang menyambung pengajian, saya nekad untuk menamatkan pengajian biarpun selama empat tahun ini terpaksa belajar dan menjalani latihan pada masa yang sama," katanya setelah menerima Bachelo Pendidikan (Pendidikan Jasmani).

Menurutnya lagi, persiapan untuk ke Sukan SEA telah pun dijalani dengan giat dan berjanji memberikan prestasi terbaik untuk mengharumkan nama negara.

Ahmad Bakri Marfi, 24, pemain pertahanan pasukan hoki negara juga menerima bachelo dalam bidang yang sama.


"Saya sedikit kecewa dengan prestasi pengajian yang merosot disebabkan tidak dapat membahagikan masa latihan dan mengulangkaji pelajaran dengan baik," katanya.

Namun, sama seperti rakan atletnya, peluang untuk menyambung pengajian di menara gading ini tidak akan sesekali dipersiapkan.

Sementara itu pemedato terkenal yang pernah memenangi Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (Kategori Nusantara) Piala Perdana Menteri 2011, Amirrudin Abd

Rahman, 25, berhasrat untuk menjadi tenaga pengajar dalam subjek Bahasa Inggeris untuk mengubah persepsi masyarakat tentang penguasaan bahasa tersebut di negeri kelahirannya, Terengganu.

Sementara itu pemedato terkenal yang pernah memenangi Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (Kategori Nusantara) Piala Perdana Menteri 2011, Amirrudin Abd Rahman, 25, berhasrat untuk menjadi tenaga pengajar dalam subjek Bahasa Inggeris untuk mengubah persepsi masyarakat tentang penguasaan bahasa tersebut di negeri kelahirannya, Terengganu.



Mohd Jironi Riduan



Ahmad Bakri Marfi




Amirrudin Abd Rahman bersama keluarganya.

## Azura WHI, TV3 pupuk minat mendalam

SERDANG - Personaliti TV3, Nor Azura Azizul Azman, 27, menerima Bachelo Komunikasi pada majlis berkenaan dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.50.

Beliau yang merupakan pengacara Wanita Hari Ini (WHI) berpendapat semangat dan minat yang mendalam untuk menyambung pelajaran harus ada dalam diri setiap individu.

"Jika ada minat yang mendalam untuk sambung pelajaran, Tuhan akan sentiasa membantu kita ketika menghadapi setiap kesulitan," katanya.



## Pergerakan terhadap bukan halangan

SERDANG - Graduan Master Pentadbiran Perniagaan, Nurul Atikah Salim, 24, kesukaran bergerak akibat kecacatan kaki yang dialaminya bukan rintangan untuk lulus cemerlang dalam pengajiannya.

Masalah tulang belakang yang alami Atikah sejak dilahirkan telah memberi kesan kepada sistem sarafnya yang mengakibatkan kaki beliau tempang kekal.

Beliau terpaksa berbelanja sebanyak

RM700 untuk membeli kasut yang ditempah khas untuk dijadikan sokongan kakinya bagi memudahkan pergerakannya saban hari.

Berkongsi kisah mengenai cabaran yang dilalui sepanjang pengajiannya, beliau mengakui bahawa tanpa semangat dan kegigihan yang kuat, seseorang OKU tidak mungkin berjaya dalam hidupnya.

Katanya, kesukaran utama adalah keupayaan terhadap beliau bergerak dari satu tempat ke tempat lain.

"Saya terpaksa berusaha lebih untuk kejayaan ini. Saya bukan saja bangun, bersiap dan melangkah ke kelas lebih awal setiap hari bahkan saya melakukan semua urusan lebih sukar berbanding pelajar lain," katanya.

Menurutnya lagi, ibunya adalah pendorong utama yang sentiasa memberi motivasi dan galakan agar beliau tidak menyerah kalah dan sentiasa memberi saingan 'mengalahkan' rakan-rakan lain sejak dari bangku sekolah.

Kegembiraan jelas terpancar pada wajah anak kedua daripada tiga beradik itu yang kini merupakan seorang Eksekutif Akaun di sebuah firma kejuruteraan sejak beberapa bulan lalu.



## Suami isteri terima ijazah doktor perubatan

SERDANG - Pasangan doktor muda, Ahmad Al Shahir Al Sabri dan isteri, Nur Asyikin Mohd. Zaki adalah graduan yang paling bertuah dan gembira kerana mereka menerima ijazah doktor perubatan bersama hanya sebulan selepas menimang anak sulung.

Pasangan suami isteri berusia 25 tahun itu menamatkan pengajian lima tahun di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan kini masing-masing berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Besar Seremban, Negeri Sembilan.

Menceritakan detik manis menerima ijazah bersama isteri tercinta, Ahmad Al Shahir berkata, ia menjadi kenangan yang tidak dapat dilupakan lebih-lebih lagi apabila melihat isteri terpaksa menaiki pentas konvokesyen menggunakan kerusi roda kerana masih dalam tempoh berpantang.

"Saya risaukan kesihatannya yang tidak menentu, tambahan pula dia (isteri) masih dalam pantang. Tapi, bagi tidak melepaskan peluang ini, dia kuatkan diri untuk hadir, namun terpaksa berkerusi roda kerana pihak pengurusan tidak mahu kelancaran majlis terganggu," katanya.

Menurut Nur Asyikin, menuntut ilmu di saat bergelar seorang isteri tidaklah sukar seperti dibayangkan. Malah, sokongan suaminya yang belajar jurusan yang sama banyak membantu apabila mereka selalu mengulang kaji pelajaran bersama-sama.

Selain itu, walaupun kadangkala terpaksa berjauhan kerana bidang perubatan memerlukan mereka menjalani latihan di pelbagai hospital, namun ia tidak mematahkan semangat Nur Asyikin dan suaminya untuk meneruskan pengajian.

Mohd Fikre Azlan  
Penolong Pemberita (praktikal)Syed Muhammad Azlan Sayid Hizar  
Penolong Pemberita (praktikal)Che Roslan Che Rosdi  
Penolong Pemberita (praktikal)Shanmugan Satyanarain  
Penolong Pemberita (praktikal)

## Pengorbanan ibu jadi dorongan



SERDANG - Kegigihan seorang ibu tunggal menjual nasi lemak untuk menyara keluarga menjadi pendorong kepada dua anaknya mencapai kecemerlangan dalam pelajaran sehingga masing-masing berjaya meraih master dan doktor perubatan pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) kali ke-35 disini.

Dua beradik berkenaan ialah Shahrizal Bohari, 30 yang menerima Master Sains Komputer dan Dr. Sharifah Fairuz, 24, yang amat menghargai pengorbanan ibu mereka, Azizah Sheikh Mohamad 57, selama ini.

Shahrizal berkata, kesusahan ibu mereka selepas bercerai dengan ayah sejak 24 tahun lalu memberi semangat kepada diri dan adiknya untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya memasuki universiti.

"Diterima memasuki UPM bersama adik adalah kenangan yang manis kerana kami saling membantu, termasuk berkongsi wang belanja. Saya yang memasuki terlebih

dahulu, memikul tanggungjawab besar untuk memastikan adik sentiasa berada dalam keadaan selamat.

"Hampir setiap minggu, saya akan memastikan adik ada kelengkapan mencukupi. Jika mengalami kekurangan wang, kami akan saling membantu kerana tidak mahu menyusahkan ibu," katanya ketika ditemui.

Dr. Sharifah Fairuz yang kini bertugas di Hospital Tawau, Sabah, pula menyifatkan kejayaan mencapai cita-cita sejak kecil untuk menjadi doktor adalah hadiah kepada ibu tersayang.

Shahrizal dan Dr. Sharifah Fairuz ialah antara 7,327 graduan yang menerima ijazah doktor falsafah (PhD), Master, Bachelor serta Diploma pada majlis konvokesyen kali ini.

Majlis itu turut mendapat perkenan daripada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Selaku Canselor UPM yang menyampaikan ijazah pada hari pertama dan kedua.

## Tesis master sahkan kewiraan polis Bukit Kepong

SERDANG - Hasil penyelidikan mengenai peristiwa berdarah akibat keganasan komunis selama tiga tahun oleh master UPM mengesahkan polis yang terlibat adalah wira negara.

Mohd Pauzi Abd. Raof, 45, menerima Master Sastera Bahasa Melayu hasil tesisnya pada Majlis Konvokesyen ke-35 UPM.

"Kesemua 22 anggota polis yang mempertahankan balai polis Bukit Kepong, Muar, Johor daripada diserang pihak komunis memang wajar diangkat sebagai wira negara.

"Walaupun menghadapi serangan yang terancang oleh 200 anggota komunis, mereka

masih boleh memberi tentangan sengit dan pihak komunis terpaksa mengambil masa yang lama sebelum menguasai balai polis sepenuhnya.

"Serangan yang bertujuan untuk merampas senjata tersebut dibahagikan kepada empat batalion dengan dua pasukan menjaga jalan keluar dan masuk ke kawasan itu," katanya selepas menerima ijazah daripada Pro-Canselor UPM, Tan Sri Rozali Ismail.

Bagi menyiapkan tesis, guru Sekolah Kebangsaan Seksyen Tujuh, Bandar Baru Bangi ini berkesempatan menemubual seorang bekas anggota polis yang bertugas

ketika kejadian itu berlaku.

Beliau berharap agar generasi muda mengimbu kembali sejarah pejuang negara dan mengambil teladan dan pengajaran daripada peristiwa tersebut.

Berkongsi kegembiraan adalah isterinya yang turut menerima master dalam bidang yang sama dengan tesis Amuk Orang Melayu.

Nora Nasir, 40, yang juga mengajar di sekolah yang sama dengan suaminya berkata, tesisnya dibuat berdasarkan kepada kajian psikologi dan sosiologi kejadian amuk di kalangan orang Melayu.

## Pesta Konvo: Jualan benih terbaik, murah

SERDANG, 13 Okt - Orang ramai mengambil peluang mendapatkan anak pokok bermutu pada harga murah di Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM, sepanjang Majlis Konvokesyen UPM ke-35 di Bukit Ekspo UPM di sini.

Antara anak pokok buah-buahan yang dijual dengan harga yang murah ialah pelbagai jenis durian, rambutan tanpa biji, nangka, mangga dan juga pokok herba seperti misai kucing, kacip Fatimah, mahkota dewa dan cekur mas.

Daging dan susu lembu UPM juga dijual pada ekspo itu, selain diadakan pameran ternakan dan akuakultur seperti lembu tenusu dan pedaging, kambing, rusa, biri-biri, kuda, kerbau, ayam, ikan akuarium dan haiwan kesayangan.

UPM juga melancarkan nanas jenid MD2 dan mempamerkan 36 produk penyelidikan UPM yang memenangi anugerah kebangsaan

dan antarabangsa termasuk yang telah dikomersialkan.

Agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam bidang pertanian dan jualan hasil tani usahawan kecil tempatan turut menyertai ekspo yang diadakan bersempena Majlis Konvokesyen ke-35 itu.

Majlis Perwakilan Pelajar pula mengatur pelbagai aktiviti menarik untuk pengunjung seperti Cabaran Siber Putra, Putra Race Challenge, paint ball, Flying fox, pertandingan fotografi, futsal, cuci kereta, tarik tali, cabaran menggubah buah, persembahan grafiti, pertunjukan yoyo dan gerai jualan.

Aktiviti padang dan air turut diadakan iaitu pertandingan bola sepak jalanan, memancing, kayak, melukis, sukan kanak-kanak, gerai tercantik, gubahan anggerik, zoo mini, pameran auto, mencari harta karun, memanjat dinding dan banyak lagi.


Kemudahan bas disediakan untuk

membawa orang ramai dari Padang Kawad ke Bukit Ekspo.

Pengerusi Jawatankuasa Ekspo, Mohd Zailani Abd Razak berkata, sambutan di luar jangkaan itu disebabkan pelbagai aktiviti yang diadakan serta pameran membabitkan pendidikan dan pembangunan (R&D) UPM yang baru diperkenalkan tahun ini.

"Pameran yang julung kali diadakan ini adalah di bawah sistem Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA) yang bertaraf kebangsaan dan membabitkan tujuh fakulti dan dua institusi di dalam UPM," katanya.

Pesta itu menyaksikan pengunjung terdiri daripada warga kampus seperti penuntut dan kakitangan serta ibu bapa, keluarga para graduan turut serta mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan Kesatuan Kakitangan Am UPM (Kepertama).



## Majlis Konvokesyen UPM-IPTS diiringi air mata dan kegembiraan

SERDANG - Majlis Konvokesyen Program Kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) kali ini diiringi dengan deraian air mata sepasang suami isteri yang mengambil ijazah bagi pihak anaknya yang meninggal dunia.

Che Yom Ahmad, 45 dan suaminya Usmar Yusuf, 48 hanya mampu menangis kesedihan ketika menerima Bachelor Pentadbiran Perniagaan untuk Allahyarham Yusmariana, 24

yang meninggal dunia akibat radang paru-paru pada 17 Julai lalu.

Allahyarham Yusmariana merupakan pelajar yang menuntut di Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics-UPM. Ijazah Allahyarham Yusmariana disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UPM, Prof. Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar.

Sementara itu, di sebalik kesedihan yang menyelubungi, terpancar sinar kegembiraan

kepada 3 orang penerima anugerah pada majlis konvokesyen UPM - IPTS.

Graduan dari Kolej Teknologi Bestari, Terengganu, Nurul Wahida Mohd Noor, 26 telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Graduan Cemerlang Keseluruhan Peringkat Ijazah dengan memperoleh Bachelor Pentadbiran Perniagaan serta Anugerah Dekan.

Bagi penerima anugerah yang sama di

peringkat diploma telah dianugerahkan kepada Nurul Syafiqah Md Abu Rahman, 21 dari Kolej Shahputra, Pahang.

Pada masa yang sama, Simaa Fairus Sulaiman, 22 turut menerima Anugerah Graduan Cemerlang Akademik peringkat diploma apabila menamatkan pengajian dengan purata nilai gred kumulatif (PNGK) 3.80.

Pada majlis konvokesyen kali ini seramai

485 graduan daripada enam kolej di bawah UPM-IPTS iaitu Kolej Shahputra, Kolej Teknologi Timur, Kolej Antarabangsa Cybernetics, Kolej Teknologi Bestari, Kolej Risa Melaka dan Kolej Uniti menerima Ijazah dan diploma.

Graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UPM, Prof. Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar.



By Mohd Rezuan M Aspar  
(MarComm)

## OTHER VISITORS

### Durham University Meets Up with UPM for Discussion on Criminology and Pharmaceutical Sciences

Prof. Jo. Phoenix, the Deputy Head of the Faculty of Social Sciences & Health held a meeting with representatives from the Faculty of Human Ecology, Faculty of Medicine & Health Sciences, Faculty of Biotechnology & Biomolecular Sciences and Institute of Biosciences to discuss matters with regards to collaboration in the field of criminology and pharmaceutical sciences.

### China Seeks Potential Collaboration with UPM

The Deputy Vice Chancellor (Industry and Community Relations), Prof. Dr. Tai Shzee Yew, greeted members of the delegations from China which consisted of various groups which were Chinese Service Centre for Scholarly Exchange (CSCSE), Ministry of Education of China and 16 China's universities. They were keen to explore any potential in establishing cooperation with UPM and at the same time they would be offering scholarships to UPM staff and students to further their postgraduate studies in China.

### Kuwait University Holds a Discussion on Financial Matters with the Bursar

Ms. Awtif Hamad Al-sayegh, the Assistant General Secretary for Financial Affairs, Kuwait University, led a delegation of six to visit UPM Bursar's office to hold a discussion on certain matters which were related to financial management system in public institutions of higher learning.

### Thailand Institute of Scientific and Technological Research's Fruitful Visit to UPM

The Thailand Institute of Scientific and Technological Research (TISTR), Thailand, paid a courtesy call on Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi, the Vice Chancellor, after a fruitful visit to the Institute of Bioscience (IBS), Halal Product Research Institute (HPR), and Faculty of Biotechnology & Biomolecular Sciences. The visit was aimed to learn and share knowledge, expertise as well as technology in bioprocess for mass scale production of human probiotic and health food.

### Thaksin University's Students Benefit from a Study Visit to ITA

Dr. Surasak Kochapakdee, a lecturer from the Thaksin University, Thailand, brought 27 animal sciences students to UPM for a study visit which gave them opportunity to learn more about animal sciences as well as to visit research facilities at the Institute of Tropical Agriculture (ITA).

### Griffith University

Following a symposium organised by Griffith University in Kuala Lumpur, a representative from the university, Dr. Faisal Mohd. Yasin, visited UPM to meet with representatives from the Faculty of Engineering, Faculty of Computer Science and Information Technology, Institute of Advanced Technology, School of Graduates Studies and Office of the Deputy Vice Chancellor (Industry and Community Relations) to discuss future collaborations to be undertaken between both institutions.

## UPM: A Global Hub for Knowledge, Education and Research

### A Talk on "Developing Young People through Recreation and Sports: What the Research Says" by Prof. Linda Caldwell

Prof. Linda Caldwell, Professor of Recreation, Park & Tourism Management, and Human Development & Family Studies from the Pennsylvania State University, USA, presented a talk on "Developing Young People Through Recreation And Sports: What The Research Says" at the Institute for Social Science Studies (IPSAS) to UPM's staff and students. She also took the opportunity to share her knowledge,



